

6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

SOALAN : NO. 303

Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kesan Program *CEO@Faculty Programme* setelah dilaksanakan hampir setahun yang lalu. Apakah kesan program tersebut yang mampu memberi impak dalam pengajaran dan pembelajaran universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang melaksanakan beberapa langkah untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan supaya lebih bersifat global serta memiliki kemahiran berfikir kritikal dan kemahiran insaniah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Melalui *CEO Faculty Programme*, pelajar-pelajar didedahkan dengan perkongsian pengalaman dan kemahiran kolaborasi antara akademia dan pihak industri, melalui syarahan dan slot interaksi dengan pelbagai tokoh Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), industri-industri terkemuka dan pegawai-pegawai tinggi Perkhidmatan Awam.

Sehingga kini, program ini telah mendapat penyertaan seramai 72 orang CEO yang antara mereka adalah seperti YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Tony Fernandes, CEO *AirAsia Group* dan Tan Sri Johan Jaaffar, Chairman Nobel International School.

7

Sepanjang pelaksanaan program ini, sebanyak 200 sesi perkongsian syarahan yang berjumlah 1,500 jam secara keseluruhan telah diadakan dengan melibatkan sekitar 90,000 pelajar dan warga akademik di institusi pendidikan tinggi.

Antara keberhasilan dan impak dalam pengajaran dan pembelajaran melalui program ini adalah mahasiswa berpeluang memahami dunia sebenar melalui perkongsian pengalaman CEO daripada segi pengurusan pentadbiran, kepimpinan dan teknologi di lapangan. Perkongsian amalan terbaik dari sudut pandangan CEO membolehkan pelajar berfikiran lebih kreatif dan inovatif serta berupaya berfikir di luar kotak, seterusnya mewujudkan pembelajaran lebih holistik. Ini akan dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan dan mengurangkan ketidaksepadanan di dalam penawaran dan permintaan pasaran kerja.

CEO Faculty Programme telah diperluaskan dengan pelaksanaan *CEO Faculty Programme Version 2.0 Coached by the Pros*. Program ini disertai oleh seramai 53 pensyarah muda universiti awam berumur antara 30 hingga 40 tahun yang berkelulusan ijazah doktor falsafah yang dikenali sebagai *CFP Fellows*. Ia memberi tumpuan kepada penerapan unsur kepimpinan di peringkat universiti dalam kalangan pensyarah dalam menyediakan pemimpin yang akan menerajui pengurusan tertinggi universiti pada masa hadapan.

8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

SOALAN : NO. 304

Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha yang sedang dijalankan bagi mencapai sasaran universiti awam kita berada di kelompok 100 terbaik di dunia menjelang tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, universiti awam (UA) kita telah merekodkan pencapaian yang cukup membanggakan di mana Universiti Malaya (UM) berada di tangga ke-114 dunia berbanding 133 pada tahun lalu berdasarkan laporan QS World University Rankings 2017/18. Ini merupakan kedudukan terbaik universiti tempatan setakat ini dan UM secara konsisten telah menunjukkan peningkatan dalam *ranking* untuk tempoh 5 tahun berturut-turut.

KPT sangat komited bagi memastikan universiti tempatan terus berada dalam kedudukan terbaik di dunia. KPT mensasarkan dua UA berada di kedudukan 100 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2025 dan yakin UM akan berjaya tersenarai sebagai 100 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2019 iaitu enam tahun lebih awal berbanding sasaran.

Usaha juga terus dipertingkatkan bagi memperkukuhkan kedudukan UA lain di peringkat antarabangsa antaranya:

- (i) Memperbanyakkan program *partnership* dan kolaborasi dengan institusi terkemuka dunia melalui skim padanan geran penyelidikan, skim kerjasama projek penyelidikan dan penglibatan secara aktif di dalam jaringan penyelidikan antarabangsa dan industri;
- (ii) Mempertingkatkan bilangan fakulti antarabangsa yang berkualiti;
- (iii) Memperkasa promosi untuk penjenamaan dan keterlihatan global melalui penganjuran program-program berimpak tinggi peringkat antarabangsa dan memperbanyakkan keahlian badan-badan antarabangsa bereputasi tinggi;
- (iv) Meningkatkan program mobiliti untuk pelajar dan pensyarah;
- (v) Meningkatkan bilangan pelajar *post-doctoral*;
- (vi) Memperkasakan keterlihatan Penerbitan Ilmiah Malaysia;
- (vii) Memperkasakan penarafan dalam negara seperti *Malaysian Research Assessment* dan Sistem Penarafan Disiplin Pengajian yang menilai kualiti penyelidikan dan penerbitan, pengajaran dan perkhidmatan di IPT Malaysia; dan
- (viii) Mengadakan program bagi mempromosikan universiti di Malaysia kepada pelajar antarabangsa melalui pejabat *Education Malaysia* (EM) di luar negara.